



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

NGA KOR MING: SJKP SASAR BANTU 100,000 PEMBELI RUMAH, RM16 BILION NILAI JAMINAN MASIH TERBUKA UNTUK PERMOHONAN

KUALA LUMPUR, 21 JANUARI 2026 – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Nga Kor Ming hari ini menegaskan komitmen Kerajaan MADANI dalam memperkasakan agenda pemilikan kediaman melalui **Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP)**.

SJKP kini menyasarkan untuk membantu lebih **100,000 individu** memiliki rumah idaman mereka menjelang akhir tahun ini. Untuk itu, Kerajaan MADANI telah menambah siling nilai jaminan pembiayaan SJKP sebanyak RM10 bilion pada tahun 2025, menjadikan jumlah keseluruhan nilai jaminan SJKP sejak diperkenalkan pada tahun 2008 hingga kini adalah sebanyak RM40 bilion.

Setakat 30 September 2025, SJKP telah meluluskan jaminan pinjaman perumahan bernilai RM23.17 bilion, sekali gus berjaya membantu seramai 97,180 individu memiliki rumah idaman masing-masing.

“SJKP diperuntukkan khusus kepada golongan B40 dan M40, termasuk mereka yang tidak mempunyai pendapatan tetap atau penyata gaji seperti pekerja “gig economy”, yang majoritinya terdiri daripada golongan muda utk membeli rumah idaman masing2,” ulas beliau.

SJKP menyediakan jaminan pembiayaan sehingga RM500,000 bagi pembelian rumah pertama, merangkumi kediaman baharu, “subsale” (sedia ada), dan unit lelongan. Bagi meringankan beban bayaran pendahuluan, skim **SJKP MADANI** turut diperkenalkan dengan tawaran jaminan pembiayaan sehingga 120% daripada harga hartanah.

Pada masa yang sama, pembiayaan secara **“Step-Up Financing”** turut diperkenalkan mulai tahun 2025 bagi mengurangkan beban kewangan golongan belia dalam pembelian rumah pertama.

Melalui mekanisme ini, ansuran bulanan adalah lebih rendah bagi 3 hingga 5 tahun pertama dan hanya akan meningkat secara berperingkat mengikut jadual yang telah dipersetujui.

Tambah YB Nga Kor Ming, “KPKT akan mengadakan sesi libat urus dengan Bank Negara Malaysia dalam masa terdekat bagi menggalakkan penglibatan semua institusi perbankan dalam pelaksanaan skim tersebut supaya semua institusi kewangan mendukung dasar perumahan negara”.

KPKT akan terus memantau pelaksanaan skim ini secara dekat bagi memastikan impak melaksanakan SJKP yang maksima. KPKT bukan sekadar menyediakan rumah malah memastikan sistem pembiayaan yang inklusif dan mampan demi kesejahteraan rakyat Malaysia selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

#MalaysiaMADANI
#Kemampunan
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

